

04/08/2001

Razali Ismail dilantik Pro Canselor USM

GEORGETOWN, Jumaat - Bekas Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Razali Ismail dilantik Pro Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) sempena konvokesyen ke-30 universiti itu.

Pemangku Timbalan Pendaftar USM, Sharifah Munirah Syed Mohamad, berkata Razali, 61, adalah tokoh diplomatik yang disegani dan kini adalah Penasihat Khas kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Razali pernah dilantik sebagai Wakil Tetap PBB selama 10 tahun mulai 1988 hingga 1998 dan pada waktu yang sama pernah berkhidmat sebagai duta ke Cuba, Jamaica, Saint Lucia, Barbados, Trinidad dan Tobago," katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Beliau berkata, Razali pernah memegang pelbagai dengan pertubuhan itu di serata dunia sepanjang menjadi Wakil Tetap PBB.

Sementara itu, tokoh pendakwah, Shaykh Abdalqadir As-sufi dianugerahkan Ijazah Kehormat Persuratan USM. Beliau memeluk agama Islam di Morocco dan sejak itu giat mengembangkan Islam kepada masyarakat Eropah.

Shaykh Abdalqadir, 70, adalah ahli tasawuf serta ahli falsafah yang arif dalam masalah ekonomi, politik dan budaya dominan dunia.

Pada konvokesyen sama, bekas Naib Canselor USM, Datuk Dr Ishak Tambi Kechik dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains.

(END)